

MAJLIS PERASMIAN EKSPLO KERJAYA JAMIN KERJA KELUARGA MALAYSIA 2022 ANJURAN PERKESO



Seramai 5 pegawai dari Unit Kerjaya di bawah Pusat Kerjaya dan Kaunseling telah dijemput ke Majlis Perasmian Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 pada 25 Julai 2022.

Ekspo Kerjaya Jamin Kerja ini diadakan pada 23-27 Julai 2022 bertempat di World Trade Center, Kuala Lumpur. Majlis Perasmian bermula pada jam 3 petang dan berakhir pada jam 5 petang.

Program ini dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob. Ekspo kerjaya ini menawarkan lebih 30 000 peluang pekerjaan termasuk pekerjaan gig dan keusahawanan daripada lebih kurang 1000 majikan bertujuan untuk menangani pengangguran terutamanya dalam kalangan graduan.

ENGAGEMENT WITH ACADEMIA AT MERCU MAYBANK

Pusat Kerjaya dan Kaunseling telah dijemput ke program Engagement With Academia bertempat di Mercu Maybank, i-City Shah Alam.

Program yang berlangsung pada 5 Ogos 2022 ini dimulakan dengan forum bertajuk "Bridging Connections in a Hybrid World" yang menampilkan panel yang berkaliber seperti Datuk Nora A Manaf, Group Chief Human Capital Officer Maybank dan En Baktiar Hasnan, Presiden National Career Development Centre Association (NACDA) serta pelajar latihan industri Maybank, saudara Nuradzmi daripada University of Nottingham Malaysia.

Pengisian forum tersebut membincangkan isu-isu kerjaya pasca pandemik dari sudut majikan, pusat kerjaya dan juga dari sudut pandang pelajar.

Seterusnya, program diteruskan dengan lawatan ke pejabat baru Maybank di i-City dan diakhiri dengan sesi networking bersama Maybank, Mbassadors dan juga pusat kerjaya universiti yang hadir.





PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Aras 5, Kompleks Budisiswa
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam

☎ 03 - 5544 2630/2379/3211/3496

✉ pkk@uitm.edu.my